



MAJLIS PELANCARAN TANAM SEMULA SAWIT KE SAWIT PERINGKAT KEBANGSAAN 2009

UCAPAN PERASMIAN

**YANG BERTHORMAT SENATOR TAN SRI DATO' SERI MUHAMMAD BIN MUHAMMAD
TAIB, MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

DI DEWAN TUN RAZAK, TEMERLOH,
PAHANG.
14 FEBRUARI 2009
10.00 PAGI

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berhormat Dato' Wan Rosdy bin Wan Ismail
Exco Pembangunan Luar Bandar dan Hal Ehwal Orang Asli
Negeri Pahang

Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat bin Hasan
Ketua Pengarah RISDA

Yang Berbahagia Dato' Ali Nordin bin Wahiduddin
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Majlis Pelancaran

Yang Berbahagia Tn. Hj. Wan Mohamad Zuki bin Hj. Mohamad
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Korporat) RISDA

Yang Dihormati En. Noh bin Ahmad
Ketua MPOB Wilayah Timur
Mewakili Ketua Pengarah MPOB

Yang Dihormati En. Mohd. Miswari bin Abdullah
Pengarah Bahagian Pembangunan Sosio-Ekonomi JHEOA
Mewakili Ketua Pengarah JHEOA

Pengarah-Pengarah Bahagian

Pengurus-Pengurus Besar Anak Syarikat RISDA

Pengarah RISDA Negeri Pahang

Pemaju – Pemaju Masyarakat Pekebun Kecil , Pengerusi & ALP
Koperasi Pekebun Kecil serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang
dihormati sekalian

3

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

1.0 PENGHARGAAN

Marilah kita bersama-sama pada hari ini memanjangkan kesyukuran kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah, kurnia dan rahmatNya dapat kita berkumpul di sini bagi Majlis Pelancaran Program Tanam Semula Sawit Ke Sawit Peringkat Kebangsaan 2009. Saya mengambil peluang di sini untuk mengucapkan ribuan terima kepada Pengurusan RISDA atas kesudian menjemput saya untuk merasmikan Majlis ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada YB Dato' Wan Rosdy bin Ismail,

4

Exco Pembangunan Luar Bandar dan Hal Ehwal Orang asli Negeri Pahang yang telah sudi menghadiri Majlis ini. Juga terima kasih kepada MPOB dan JHEOA atas sokongan yang diberikan untuk menjayakan program KKLW, khususnya RISDA. Saya juga mengalu-alukan kedatangan semua Pemaju Masyarakat Pekebun Kecil, ALP Koperasi Pekebun Kecil, peserta TSK serta semua pekebun kecil ke Majlis ini yang amat bermakna kepada Tuan-Tuan dan Puan-Puan dalam industri sawit.

2.0 PAKEJ RANGSANGAN

Untuk menangani kemelesetan ekonomi yang sedang dihadapi oleh negara kita masakini, kerajaan telah memperuntukan Pakej Rangsangan RM7 billion sebagai salah satu langkah untuk merangsang ekonomi negara supaya dapat pulih dengan lebih cepat. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah menerima peruntukan sejumlah RM 1 billion di bawah Pakej Rangsangan ini untuk melaksanakan pelbagai projek di luar bandar. RISDA secara khususnya telah diagihkan sejumlah RM264 juta untuk melaksanakan 8,000 buah rumah dibawah Program Bantuan Rumah dan RM40 juta untuk melaksanakan

Projek Prasarana seperti Jalan Pertanian, Jalan Laterite, Crusher Run, Parit, Pembentung dan Jambatan. Semua Projek di bawah Pakej Rangsangan ini perlu disiapkan sebelum bulan Jun 2009 supaya ekonomi dapat dirangsangkan dengan lebih cepat.

3.0 SENARIO INDUSTRI SAWIT NEGARA

Sejak mula dikomersilkan pada awal 1960an, industri sawit negara telah berkembang pesat sehingga Malaysia muncul sebagai pengeluar dan pengeksport minyak sawit terulung dunia. Pada tahun **2007**, keluasan kawasan tanaman sawit adalah **4,304,913**

7

hektar dimana **470,155 hektar(10.92%)** diusahakan oleh pekebun kecil.

Dari segi **eksport sawit negara** pada tahun 2008, kuantiti eksport produk minyak sawit adalah **21.75 juta metrik tan** yang bernilai **RM65.2 billion**. Manakala **pengeluaran Minyak Sawit Mentah** negara adalah 17.73 juta metrik tan berbanding 15.82 juta metrik tan pada tahun 2007, iaitu kenaikan sebanyak 12.1%. Purata Produktiviti sehektar yang telah dicapai pada tahun 2008 adalah 20.18 metrik tan sehektar setahun, iaitu peningkatan sebanyak 6% berbanding 19.03 metrik tan pada tahun 2007.

8

Harga Minyak Sawit Mentah (MSM) telah mengalami kejatuhan harga yang mendadak pada penghujung tahun 2008. Harga tertinggi MSM yang telah dicapai adalah RM4,179/metrik tan pada awal Mac 2008 manakala harga terendah adalah RM1,403/Metrik Tan pada penghujung November 2008, iaitu kejatuhan sebanyak 62.44%. Harga MSM terkini pada 12 Februari 2009 adalah RM1,936/Metrik Tan.

4.0 PROGRAM TANAM SEMULA SAWIT KE SAWIT

Semasa saya menjadi Pengerusi RISDA, saya telah memberi penekanan kepada usaha-usaha untuk mendapat kelulusan bantuan Tanam Semula Sawit ke Sawit dan Syukur Alhamdulillah, Kerajaan telah meluluskan Bantuan Tanam Semula Sawit ke Sawit bagi pekebun kecil yang memiliki tanah tidak melebihi 2.5 hektar secara agregat mulai 1 Januari 2009. Peruntukan yang disediakan bagi tempoh RMK9 adalah sebanyak RM 16,890,000 dengan keluasan 9,000 hektar untuk di tanam semula. Adalah diharapkan dengan adanya Bantuan ini yang berjumlah RM6,000.00 sehektar, akan dapat membantu meringankan beban kos pembiayaan

tanam semula dan secara tidak langsung,pendapatan pekebun kecil sawit akan dapat ditingkatkan.

5.0 BANTUAN SAWIT LAIN YANG SEDIAKAN OLEH KERAJAAN

Selain daripada Bantuan Tanam Semula Sawit ke Sawit ini, Bantuan-Bantuan lain yang diberikan oleh kerajaan sebelum ini untuk membantu pekebun kecil sawit di bawah RMK 9 adalah:

- i. Skim Subsidi Benih untuk pekebun kecil daif bagi Tanam Semula/Umum yang diuruskan oleh MPOB. Kadar

11

bantuan adalah RM1,100.00 sehektar bagi jumlah keluasan 20,000 hektar.

- ii. Skim Bantuan Tanaman Sawit Sistem Dua Baris Kembar & Integrasi Tanaman atau Ternakan dibawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) melalui MPOB bagi membantu pekebun kecil sawit.
- iii. Skim Pinjaman Tanam Semula Sawit di bawah Agro Bank.

12

6.0 . BENIH TISU KULTUR SAWIT

Pada tahun ini RISDA dengan kerjasama MPOB sedang dalam usaha menyediakan benih sawit yang berkualiti tinggi, mempunyai pertumbuhan yang seragam dan penghasilan minyak yang tinggi. Selaras dengan ini, RISDA sedang membina sebuah makmal tisu kultur di Bangi bagi menyedia benih sawit Tisu Kultur untuk dibekalkan kepada pekebun kecil. Benih Tisu Kultur sawit ini mempunyai ciri-ciri yang baik seperti :

- i. Nisbah minyak dengan tandan melebihi 28 % berbanding konvensional sebanyak 20%.
- ii. Keseragaman pertumbuhan dan produktiviti yang tinggi

13

- iii. Menghasilkan bilangan tandan yang banyak dan hasil boleh melebihi 30 MT sehektar setahun bagi tanah pendalaman
- iv. Peningkatan hasil yang berterusan untuk tempoh satu pusingan hayat ekonomi pokok sawit (22 tahun) adalah satu manfaat yang besar kepada pekebun kecil.

7.0 INSENTIF UNTUK PROJEK BERKUMPULAN

Semua pekebun kecil digalakkan menyertai Program Tanam Semula RISDA secara berkumpulan iaitu secara Tanam Semula Komersial (TSK) dan Tanam Semula Berkelompok

14

(TSB) bertujuan untuk memudah dan mempercepat pemindahan teknologi serta dapat menjamin pengeluaran berterusan dan kecekapan pemasaran. Beberapa insentif disediakan kepada pekebun kecil yang ingin menyertai program tanam semula secara berkumpulan. Antara insentif-insentif yang akan diberikan kepada peserta projek berkelompok ialah:

- i. Kemudahan asas seperti jalan pertanian, jambatan, parit dan pembentung akan disediakan secara subsidi kepada peserta projek.

15

- ii. Bantuan tanah kosong sehingga 30% kepada lot-lot yang tidak mengandungi getah tua dan kedudukannya dalam kawasan projek berkelompok yang telah dikenalpasti.
- iii. Latihan Pengurusan Ladang dan pembangunan minda insan kepada Jawatankuasa Projek dan beberapa orang peserta yang terpilih.
- iv. Urusan jualan produk akan diselaraskan secara sistem tender yang diuruskan melalui depo belian atau Pusat Timbang dan Setor.

16

- v. Bantuan tabung pelancaran akan diberikan kepada Jawatankuasa Projek. Nilai pemberian bergantung kepada luas kawasan projek yang dapat dibangunkan.
- vi. Bantuan bayaran premium tanah bagi tujuan mendapatkan hakmilik tanah untuk membolehkan pekebun kecil menyertai program tanam semula.
- vii. Bantuan input pertanian yang bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran dan pendapatan pekebun kecil di bawah program peningkatan produktiviti .

17

Dengan ini, adalah diharapkan semua pekebun kecil menyertai Program Tanam semula RISDA secara berkumpulan untuk menikmati faedah-faedah ini.

Walau bagaimanapun, **pekebun kecil individu** juga tidak diabaikan. Pakej Bantuan Tambahan dalam bentuk Prasarana di dalam ladang bernilai maksimum RM1,500 sehektar di beri kepada pekebun kecil individu pemilik pengusaha yang memiliki tanah kurang daripada 2.5 hektar.

18

8.0 NASIHAT KEPADA PEKEBUN KECIL

Dengan ini adalah dinasihatkan semua pekebun kecil yang mempunyai kebun sawit tua kurang daripada 2.5 hektar untuk membuat permohonan segera di Pejabat RISDA berhampiran bagi menikmati Bantuan Tanam Semula Sawit ke Sawit yang disediakan oleh Kerajaan ini.

9.0 TAHNIAH DAN SOKONGAN

Tahniah kepada RISDA kerana sentiasa berusaha untuk menambahbaik dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pekebun kecil. Saya menyokong sepenuhnya pembinaan Makmal

19

Tisu Kultur dan juga cadangan menubuhkan Pusat Latihan Sawit seperti yang dimaklum oleh Ketua Pengarah RISDA tadi. Saya juga menyeru kepada Agensi –Agensi yang berkaitan dengan Sawit seperti MPOB supaya bekerjasama untuk memajukan lagi industri sawit di negara kita dan pada masa yang sama membantu pekebun-pekebun kecil sawit.

8.0 PENUTUP

Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan ucapan terima kasih kepada YB Dato' Wan Rosdy bin Ismail, Exco Pembangunan Luar Bandar dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang. Juga setinggi-

20

tinggi tahniah kepada Dato' Mohammad Izat Hasan, Ketua Pengarah RISDA kerana berjaya menganjurkan satu Majlis yang begitu berfaedah kepada pekebun kecil . Semoga Majlis ini memberi manfaat yang sepenuhnya kepada masyarakat pekebun kecil diseluruh negara untuk lebih maju lagi di masa hadapan. Saya mendoakan agar Tuan-tuan dan Puan akan terus maju dan meningkatkan pendapatan dan seterusnya meningkatkan taraf hidup yang lebih tinggi. Azam dan kerjasama dari semua akan dapat menjayakan aktiviti pembangunan luar bandar dan semoga Tuan-tuan dan puan-puan akan terus cemerlang dalam mengharungi kehidupan yang lebih sejahtera.

21

Dengan kata-kata ini, saya dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim' melancarkan Program Tanam Semula Sawit ke Sawit Peringkat Kebangsaan 2009.

Sekian. Wabillahi taufik Walhidayah Wsb.

22